



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENGKOMERSIALAN PENEMUAN
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
AWAM BERASASKAN SUMBER,
BAHAGIAN II –
INSENTIF CUKAI UNTUK SYARIKAT
YANG LAYAK**

KETETAPAN UMUM NO. 13/2022

TARIKH PENERBITAN: 29 DISEMBER 2022



**PENGGOMERSIALAN PENEMUAN
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
AWAM BERASASKAN SUMBER,
BAHAGIAN II – INSENTIF CUKAI UNTUK
SYARIKAT YANG LAYAK**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 13/2022
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2022**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**PENGGOMERSIALAN PENEMUAN
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
AWAM BERASASKAN SUMBER,
BAHAGIAN II – INSENTIF CUKAI UNTUK
SYARIKAT YANG LAYAK**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 13/2022
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2022**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	3
5. Kriteria Kelayakan Syarikat yang Layak	4
6. Permohonan dan Pemberian Kelulusan untuk Insentif Cukai	4
7. Penentuan Pendapatan Dikecualikan Cukai	6
8. Penafian	22

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Ketetapan Umum (KU) ini menjelaskan mengenai insentif cukai yang disediakan untuk syarikat, di mana syarikat induknya telah membuat pelaburan, bagi tujuan membiayai projek pengkomersialan penemuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) awam berasaskan sumber di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 8, 21, 21A, subseksyen 44(2) dan 44(3), perenggan 127(3)(b) dan Jadual 3.
- 2.3 Peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, subseksyen 5(1DF) dan 6(1AI), seksyen 14, 14A, 14C, 15, 18, 21A, 21E, 21L, 23 dan 25.
- 2.4 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Projek Pengkomersialan Dapatan Penyelidikan dan Kemajuan) 2005 [P.U.(A) 269/2005].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Hari pengeluaran” bermaksud hari yang ditentukan di dalam sijil perintis mengikut seksyen 7 APP.
- 3.2 “Institut penyelidikan yang diluluskan” bermaksud suatu institut, termasuk syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 45 Akta Syarikat 2016 [Akta 777], yang diluluskan oleh Menteri untuk hanya menjalankan penyelidikan dalam industri yang dinyatakan dalam kelulusan dan untuk mengeksploitasi manfaat penyelidikan secara komersial.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Pelaburan” bermaksud pelaburan dalam bentuk wang tunai atau pegangan syer dalam suatu syarikat berkaitan.
- 3.5 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan di bawah seksyen 8 ACP.

- 3.6 “Pendapatan berkanun” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.7 “Penemuan penyelidikan dan pembangunan” bermaksud penemuan penyelidikan dan pembangunan dalam industri berasaskan sumber yang dimiliki sepenuhnya oleh suatu institut penyelidikan awam atau institut pengajian tinggi awam di Malaysia.
- 3.8 “Pengkomersialan” bermaksud suatu proses transformasi penemuan penyelidikan dan pembangunan kepada suatu produk atau proses yang mempunyai aplikasi industri atau yang boleh dipasarkan.
- 3.9 “Penyelidikan dan pembangunan” bermaksud apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian tersebut untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil atau proses, tetapi tidak termasuk –
- (a) kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
 - (b) penyelidikan dalam sains sosial atau kemanusiaan;
 - (c) pemungutan data rutin;
 - (d) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
 - (e) penyelidikan pasaran atau promosi penjualan;
 - (f) pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran; atau
 - (g) pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk atau kaedah pengeluaran.
- 3.10 “Syarikat berkaitan” bermaksud suatu syarikat yang sekurang-kurangnya 70 peratus modal syer yang diterbitkan dimiliki secara langsung oleh syarikat yang membuat pelaburan bagi maksud suatu projek pengkomersialan.
- 3.11 “Syarikat perintis” bermaksud suatu syarikat yang diperakui oleh suatu perakuan perintis sebagai suatu syarikat perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang mana tempoh pelepasan cukainya belum tamat atau belum berhenti.
- 3.12 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
-

- 3.13 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan di bawah seksyen 21 atau 21A ACP.
- 3.14 “Tempoh pelepasan cukai”, berhubung dengan suatu syarikat perintis, bermaksud tempoh yang ditentukan mengikut seksyen 14 APP dan apa-apa pelanjutan tempoh itu di bawah seksyen 14C APP.

4. Pengenalan

Pengkomersialan penemuan R&D berasaskan sumber yang dibangunkan oleh institut penyelidikan yang diluluskan terdiri daripada institut pengajian tinggi awam atau institut penyelidikan awam telah lama digalakkan di Malaysia. Institut pengajian tinggi awam merupakan universiti penyelidikan yang diluluskan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Antara institut penyelidikan awam yang diluluskan pula adalah -

- (a) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI);
- (b) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- (c) Lembaga Getah Malaysia (LGM);
- (d) Lembaga Koko Malaysia (LKM);
- (e) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); dan
- (f) Pusat Penyelidikan Mineral (PPM).

Pengkomersialan penemuan R&D berasaskan sumber melibatkan transformasi penemuan R&D berasaskan sumber kepada produk atau aktiviti berasaskan sumber baharu, atau teknologi proses baharu dan tidak terhad kepada produk atau aktiviti yang digalakkan di bawah APP supaya hasil R&D mempunyai aplikasi industri atau boleh dipasarkan. Penemuan R&D berasaskan sumber meliputi R&D dalam sektor-sektor yang berikut –

- (a) pertanian;
- (b) pertanian dan pemprosesan makanan;
- (c) produk kelapa sawit;
- (d) kayu dan produk berasaskan kayu;
- (e) produk berasaskan getah;

- (f) produk mineral bukan logam;
- (g) produk semulajadi termasuk farmaseutikal; dan
- (h) sumber semulajadi seperti air, udara, kilat dan solar.

Insentif cukai di bawah APP telah disediakan untuk syarikat yang layak, yang menerima pelaburan bagi mengkomersialkan penemuan R&D awam berasaskan sumber daripada syarikat pelabur yang layak, dan juga syarikat pelabur yang layak yang membiayai pelaburan bagi mengkomersialkan penemuan R&D awam berasaskan sumber oleh syarikat yang layak, sekiranya kesemua syarat yang ditetapkan dipenuhi oleh kedua-dua syarikat yang layak.

Bagi maklumat lanjut mengenai insentif cukai yang disediakan untuk syarikat pelabur, sila rujuk KU No. 12/2022 bertajuk Pengkomersialan Penemuan R&D Awam Berasaskan Sumber, Bahagian I – Insentif Cukai untuk Syarikat Pelabur, yang boleh diperolehi di www.hasil.gov.my, portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

5. Kriteria Kelayakan Syarikat yang Layak

Syarikat yang menerima pembiayaan daripada syarikat pelabur (syarikat induk) untuk projek pengkomersialan penemuan R&D berasaskan sumber yang dibangunkan oleh institut pengajian tinggi awam atau institut penyelidikan awam yang diluluskan akan layak mendapat insentif cukai sekiranya memenuhi kesemua kriteria berikut -

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) bermastautin di Malaysia;
- (c) sekurang-kurangnya 70 peratus daripada ekuiti syarikat dimiliki secara langsung oleh syarikat pelabur; dan
- (d) sekurang-kurangnya 70 peratus daripada ekuiti syarikat pelabur dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Dalam erti kata lain, kedua-dua syarikat induk yang melabur dan syarikat berkaitan yang menerima pelaburan bagi tujuan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi menikmati insentif cukai yang disediakan.

6. Permohonan dan Pemberian Kelulusan untuk Insentif Cukai

Mana-mana syarikat yang layak yang ingin mengusahakan projek pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber, dan bercadang untuk membina kilang atau mempunyai kilang sedia wujud di Malaysia untuk diduduki bagi projek tersebut, boleh memohon untuk insentif cukai.

6.1 Permohonan untuk insentif cukai

Borang permohonan untuk insentif cukai hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA). Untuk maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan dan prosedur permohonan, sila rujuk laman sesawang MIDA di www.mida.gov.my. Permohonan untuk insentif cukai oleh kedua-dua syarikat pelabur dan syarikat berkaitannya yang mengusahakan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber hendaklah dikemukakan bersama-sama kepada MIDA.

6.2 Pemberian kelulusan

- (a) Syarikat yang layak akan diberikan status perintis oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan (MOF) sekiranya insentif cukai diluluskan.
- (b) Projek pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber yang diusahakan oleh syarikat yang layak hendaklah dimulakan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan dikeluarkan oleh MIDA. Syarikat pelabur akan layak diluluskan insentif cukai jika pengkomersialan bermula dalam tempoh yang ditetapkan.
- (c) Syarikat yang layak hendaklah memohon sijil perintis dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan dari tarikh status perintis diberikan atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh MITI. Tarikh pengeluaran akan dinyatakan di dalam sijil perintis dan merupakan hari syarikat mula mengeluarkan kuantiti yang boleh dipasarkan bagi produk perintis berasaskan sumber tidak kurang daripada 30 peratus daripada kapasiti pengeluaran yang dinilai.
- (d) Status perintis adalah untuk tempoh pelepasan cukai selama lima (5) tahun dari tarikh yang ditentukan oleh MITI sebagai hari pengeluaran. Syarikat yang layak boleh memohon lanjutan tempoh pelepasan cukai untuk tempoh lima (5) tahun berikutnya secara bertulis kepada MITI dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh MITI dengan persetujuan bertulis daripada MOF selepas tamat tempoh pelepasan cukai lima (5) tahun yang pertama.

6.3 Penarikan balik status perintis

Status perintis yang diberikan boleh ditarik balik jika syarikat melanggar mana-mana peruntukan di dalam APP atau mana-mana syarat yang dikenakan oleh MITI dengan persetujuan bertulis daripada MOF selepas pemberian galakan.

6.4 Penyerahan status perintis atau sijil perintis

Syarikat yang telah diberikan status perintis atau dikeluarkan sijil perintis boleh pada bila-bila masa menyerahkan status atau sijil tersebut dengan memberikan notis secara bertulis kepada MITI. MITI dengan persetujuan bertulis daripada MOF boleh meluluskan penyerahan tersebut sekiranya beliau berpuashati dengan alasan penyerahan tersebut dan ianya boleh berkuatkuasa secara retrospektif seperti berikut -

- (a) daripada tarikh status perintis diberikan; atau
- (b) dalam keadaan suatu syarikat perintis –
 - (i) pada tarikh permohonan penyerahan tersebut diterima oleh MITI; atau
 - (ii) pada hari pertama dalam tempoh asas untuk tahun taksiran yang mana permohonan penyerahan tersebut diterima oleh MITI.

7. Penentuan Pendapatan Dikecualikan Cukai

Syarikat yang layak yang telah diberikan status perintis untuk mengusahakan projek pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber dianggap sebagai syarikat perintis yang menjalankan perniagaan perintis semasa tempoh pelepasan cukai.

7.1 Pengecualian di bawah status perintis

Syarikat perintis yang mengusahakan perniagaan perintis bagi pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber akan diberikan pengecualian cukai 100 peratus daripada pendapatan berkanunnya yang terbit daripada perniagaan perintis untuk tempoh lima (5) tahun dari tarikh yang ditentukan oleh MITI sebagai hari pengeluaran. Syarikat boleh memohon lanjutan tempoh pelepasan cukai untuk tempoh lima (5) tahun berikutnya secara bertulis kepada MITI dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh MITI dengan persetujuan bertulis daripada MOF selepas tamat tempoh pelepasan cukai lima (5) tahun yang pertama.

7.2 Perniagaan perintis dan perniagaan selepas perintis adalah perniagaan yang berasingan

Perniagaan perintis berkenaan dengan projek pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber yang dijalankan semasa tempoh pelepasan cukai disifatkan telah terhenti secara kekal pada hari terakhir tempoh pelepasan cukai. Perniagaan baharu akan disifatkan telah ditubuhkan dan dimulakan pada hari selepas tamat tempoh perintis. Perniagaan perintis

dianggap sebagai perniagaan yang berasingan daripada perniagaan selepas perintis.

7.3 Akaun perniagaan perintis dan perniagaan selepas perintis

(a) Perniagaan perintis

Syarikat perintis hendaklah menyediakan akaun perniagaan perintis seperti berikut -

- (i) untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun bermula pada tarikh perniagaan perintis syarikat itu dimulakan;
- (ii) untuk tempoh berturut-turut satu (1) tahun selepas itu; dan
- (iii) untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun yang berakhir pada tarikh tamat tempoh pelepasan cukai.

(b) Perniagaan selepas perintis

Syarikat perintis biasanya akan terus menjalankan perniagaan perintis yang sama selepas tamat tempoh pelepasan cukai. Syarikat perintis disifatkan menubuhkan dan memulakan perniagaan baharu iaitu perniagaan selepas perintis. Oleh itu, baki penutup bagi aset dan liabilitinya seperti yang ditunjukkan di dalam akaun terakhirnya berkenaan dengan tempoh pelepasan cukainya hendaklah diambil sebagai baki pembuka untuk akaun pertama perniagaan selepas perintis syarikat tersebut. Akaun selepas akaun pertama hendaklah dibuat dengan merujuk kepada akaun penutup dalam akaun pertama dan seterusnya.

Tempoh asas bagi akaun perniagaan selepas perintis dibuat seperti yang berikut -

- (i) tempoh asas bagi tahun taksiran perniagaan perintis, yang mana di dalamnya terjatuh tarikh permulaan perniagaan selepas perintis merupakan tempoh asas bagi tahun taksiran itu untuk syarikat selepas perintis; dan
- (ii) tiada tempoh asas untuk perniagaan selepas perintis bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran yang disebut di perenggan 7.3(b)(i) KU ini.

Contoh 1

AA Sdn Bhd, adalah syarikat yang layak dan telah diberikan status perintis untuk mengusahakan projek pengkomersialan penemuan R&D awam

berasaskan sumber. AA Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun dan hari pengeluarannya ditentukan pada 1.6.2017.

Tempoh pelepasan cukai selama lima (5) tahun adalah dari 1.6.2017 hingga 31.5.2022. Syarikat telah diberikan tempoh lanjutan pelepasan cukai untuk tempoh lima (5) tahun mulai 1.6.2022 hingga 31.5.2027. Tempoh asas bagi setiap tahun taksiran semasa tempoh perintis adalah seperti berikut -

Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2017	1.6.2017 hingga 31.12.2017 (7 bulan)
2018	1.1.2018 hingga 31.12.2018
2019	1.1.2019 hingga 31.12.2019
2020	1.1.2020 hingga 31.12.2020
2021	1.1.2021 hingga 31.12.2021
2022	1.1.2022 hingga 31.12.2022
2023	1.1.2023 hingga 31.12.2023
2024	1.1.2024 hingga 31.12.2024
2025	1.1.2025 hingga 31.12.2025
2026	1.1.2026 hingga 31.12.2026
2027	1.1.2027 hingga 31.5.2027 (5 bulan)

Tempoh asas pertama perniagaan perintis syarikat bagi tahun taksiran 2017 adalah suatu tempoh tidak melebihi satu (1) tahun bermula dari hari pengeluaran pada 1.6.2017 hingga 31.12.2017. Bagi tahun taksiran 2018 hingga 2026, tempoh asas adalah tempoh yang berturut-turut. Tempoh asas terakhir perniagaan perintis adalah suatu tempoh tidak melebihi satu (1) tahun yang berakhir pada tarikh apabila tempoh perintis berakhir iaitu pada 31.5.2027.

Tempoh asas bagi tahun taksiran untuk tempoh selepas perintis adalah seperti berikut -

Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2027	1.6.2027 hingga 31.12.2027 (7 bulan)
2028	1.1.2028 hingga 31.12.2028

Tempoh asas selepas perintis adalah bermula pada hari pertama perniagaan selepas perintis jatuh iaitu pada 1.6.2027. Tempoh asas ini akan membentuk tempoh asas pertama perniagaan selepas perintis bagi tahun taksiran 2027

iaitu 1.6.2027 hingga 31.12.2027. Tiada tempoh asas untuk perniagaan selepas perintis bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2027.

7.4 Elaun modal

Secara amnya, seseorang akan dibenarkan memilih sama ada ingin menuntut atau tidak menuntut elaun modal dan/atau elaun bangunan industri (mengikut mana-mana yang berkenaan) dalam menentukan pendapatan berkanun daripada perniagaan. Walau bagaimanapun, bagi syarikat perintis, dalam tempoh pelepasan cukai, pendapatan berkanun untuk mana-mana tempoh perakaunan ditentukan selepas potongan elaun modal dan/atau elaun bangunan industri di bawah Jadual 3 ACP walaupun tiada tuntutan dibuat untuk elaun modal.

(a) Elaun modal yang tidak dapat diserap

Jika aset telah digunakan untuk tujuan perniagaan pra-perintis, apa-apa elaun modal yang tidak dapat diserap untuk tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas yang mana hari permulaan perniagaan perintis terjatuh, disifatkan sebagai elaun untuk digunakan di dalam perniagaan perintis dan ditolak daripada sumber perniagaan yang sama.

Bagi syarikat perintis yang tempoh pelepasan cukainya tamat pada atau selepas 1.10.2005, apa-apa elaun modal yang tidak dapat diserap untuk tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas yang mana hari permulaan perniagaan selepas perintis terjatuh, disifatkan sebagai elaun untuk digunakan di dalam perniagaan selepas perintis dan ditolak daripada sumber perniagaan yang sama.

(b) Aset yang sama digunakan untuk perniagaan perintis dan perniagaan bukan perintis

Jika dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, aset tertentu digunakan untuk perniagaan perintis yang berkaitan dengan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber, dan aset yang sama ini juga digunakan untuk tujuan –

- (i)** aktiviti atau penghasilan produk yang bukan aktiviti yang digalakkan atau produk yang digalakkan; atau
- (ii)** aktiviti atau produk yang merupakan aktiviti digalakkan atau produk digalakkan berkenaan dengan syarikat perintis yang telah diberikan status perintis dan yang tempoh pelepasan cukainya telah tamat,

elaun modal untuk aset tersebut boleh diagihkan setakat mana aset tersebut digunakan untuk tujuan (i) atau (ii) di atas perlu ditentukan. Hanya bahagian yang munasabah daripada elaun modal yang boleh diagihkan kepada perniagaan perintis dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan larasan daripada perniagaan perintis untuk menentukan pendapatan berkanun.

Untuk maklumat lanjut mengenai pembahagian elaun modal bagi aset yang digunakan dalam lebih daripada satu perniagaan, sila rujuk KU No. 5/2014 bertajuk Pemilikan dan Penggunaan Aset bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal yang boleh diperolehi di www.hasil.gov.my, portal rasmi LHDNM.

- (c) Aset digunakan dalam perniagaan pra-perintis terus digunakan dalam perniagaan perintis

Jika syarikat perintis telah menggunakan aset dalam perniagaan pra-perintisnya dan jika aset yang sama terus digunakan dalam perniagaan perintisnya, –

- (i) perbelanjaan baki pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas di mana hari permulaan perniagaan perintis jatuh, disifatkan sebagai perbelanjaan baki aset itu pada hari permulaan perniagaan perintis;
- (ii) jika aset yang sama bagi syarikat perintis telah digunakan dalam perniagaan pra-perintis terus digunakan dalam perniagaan perintis dan aset yang sama juga digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.4(b)(i) dan 7.4(b)(ii) KU ini, perbelanjaan baki yang ditentukan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7.4(c)(i) KU ini akan dikurangkan dengan perbelanjaan baki yang dikaitkan dengan aktiviti yang disebut di dalam perenggan 7.4(b)(i) dan 7.4(b)(ii) KU ini; dan
- (iii) perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas aset itu oleh syarikat perintis semasa tempoh asas di mana tarikh pemberhentian perniagaan pra-perintis jatuh, disifatkan telah dilakukan pada hari permulaan perniagaan perintis.

- (d) Aset digunakan dalam perniagaan perintis terus digunakan dalam perniagaan selepas perintis

Jika syarikat perintis telah menggunakan aset dalam perniagaan perintisnya dan aset yang sama terus digunakan dalam perniagaan selepas perintisnya –

- (i) perbelanjaan baki pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas di mana hari permulaan perniagaan selepas perintis jatuh, disifatkan sebagai perbelanjaan baki aset itu pada hari permulaan perniagaan selepas perintis itu;
- (ii) jika aset yang sama bagi syarikat perintis yang digunakan dalam perniagaan perintis terus digunakan dalam perniagaan selepas perintis dan aset yang sama juga digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.4(b)(i) dan 7.4(b)(ii) KU ini, perbelanjaan baki yang ditentukan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7.4(d)(i) KU ini akan dikurangkan dengan perbelanjaan baki yang dikaitkan dengan aktiviti yang disebut di dalam perenggan 7.4(b)(i) dan 7.4(b)(ii) KU ini; dan
- (iii) perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas aset tersebut oleh syarikat perintis dalam tempoh asas di mana tarikh pemberhentian perniagaan perintis jatuh, disifatkan berlaku pada hari permulaan perniagaan selepas perintis.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 1 dan tempoh pra-perintis adalah seperti berikut -

Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2016	1.1.2016 hingga 31.12.2016
2017	1.1.2017 hingga 31.5.2017

AA Sdn Bhd membeli mesin untuk kegunaan perniagaannya seperti berikut –

Butiran	Tarikh Pembelian	Kos Pembelian (RM)
Mesin W	1.2.2016	600,000
Mesin X	1.3.2017	500,000
Mesin Y	1.4.2024	400,000
Mesin Z	1.5.2027	300,000

Perbelanjaan baki aset yang sama yang digunakan oleh syarikat perintis dalam perniagaan pra-perintis dan perintis, serta perniagaan perintis dan selepas perintis ditentukan dalam tempoh asas yang berkaitan seperti berikut -

Tahun Taksiran	Tempoh Asas		
	Pra Perintis	Perintis	Selepas Perintis
2016	1.1.2016 - 31.12.2016		
2017	1.1.2017 - 31.5.2017	1.6.2017 - 31.12.2017	
2018		1.1.2018 - 31.12.2018	
2019		1.1.2019 - 31.12.2019	
2020		1.1.2020 - 31.12.2020	
2021		1.1.2021 - 31.12.2021	
2022		1.1.2022 - 31.12.2022	
2023		1.1.2023 - 31.12.2023	
2024		1.1.2024 - 31.12.2024	
2025		1.1.2025 - 31.12.2025	
2026		1.1.2026 - 31.12.2026	
2027		1.1.2027 - 31.5.2027	1.6.2027 - 31.12.2027
2028			1.1.2028 - 31.12.2028

(a) Aset yang digunakan dalam perniagaan pra-perintis terus digunakan dalam perniagaan perintis

Butiran	Tempoh
Tempoh pra-perintis	1.1.2016 hingga 31.5.2017
Tempoh asas yang mana tarikh pemberhentian tempoh pra-perintis terjatuh	1.1.2017 hingga 31.5.2017

Mesin W berharga RM600,000 dibeli pada 1.2.2016 dan mesin X berharga RM500,000 dibeli pada 1.3.2017, iaitu semasa tempoh pra-perintis.

Pengiraan Elaun Modal Mesin W

Tahun Taksiran 2016 (1.1.2016 hingga 31.12.2016 / tempoh pra-perintis)	RM	RM
Perbelanjaan modal yang layak		600,000
Tolak:		
Elaun permulaan (20%)	120,000	
Elaun tahunan (20%)	120,000	240,000
Perbelanjaan baki		360,000 ¹

Tahun Taksiran 2017 (1.6.2017 hingga 31.12.2017 ialah tempoh perintis pertama)	RM	RM
Tolak: Elaun tahunan (20%)		120,000
Perbelanjaan baki		<u>240,000</u>

Nota:

- ¹ Perbelanjaan baki pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2016 perniagaan pra-perintis (31.12.2016), disifatkan sebagai perbelanjaan baki aset itu pada hari permulaan perniagaan perintis bagi tempoh asas tahun taksiran 2017 (1.6.2017).

Pengiraan Elaun Modal Mesin X

Tahun Taksiran 2017 (1.6.2017 hingga 31.12.2017 ialah tempoh perintis pertama)	RM	RM
Perbelanjaan modal yang layak		500,000 ²
Tolak:		
Elaun permulaan (20%)	100,000	
Elaun tahunan (20%)	100,000	200,000
Perbelanjaan baki		<u>300,000</u>

Nota:

- ² Perbelanjaan modal sebanyak RM500,000 disifatkan dilakukan pada 1.6.2017 dan elaun modal dituntut dalam perniagaan perintis dalam tahun taksiran 2017.

(b) Aset digunakan dalam perniagaan perintis terus digunakan dalam perniagaan selepas perintis

Butiran	Tempoh
Tempoh pelepasan cukai	1.6.2017 hingga 31.5.2027
Tempoh asas yang mana tarikh pemberhentian perniagaan perintis terjatuh	1.1.2027 hingga 31.5.2027

Mesin Y berharga RM400,000 dibeli pada 1.4.2024 dan tambahan mesin Z berharga RM300,000 dibeli pada 1.5.2027.

Pengiraan Elaun Modal Mesin Y

Tahun Taksiran 2024 (1.1.2024 hingga 31.12.2024 / tempoh perintis)	RM	RM
Perbelanjaan modal yang layak		400,000
Tolak:		
Elaun permulaan (20%)	80,000	
Elaun tahunan (20%)	80,000	160,000
Perbelanjaan baki		240,000
Tahun Taksiran 2025 (1.1.2025 hingga 31.12.2025 / tempoh perintis)		
Tolak: Elaun tahunan (20%)		80,000
Perbelanjaan baki		160,000
Tahun Taksiran 2026 (1.1.2026 hingga 31.12.2026 / tempoh perintis)		
Tolak: Elaun tahunan (20%)		80,000
Perbelanjaan baki		80,000 ³
Tahun Taksiran 2027 (1.6.2027 hingga 31.12.2027 ialah tempoh selepas perintis pertama)		
Tolak: Elaun tahunan (20%)		80,000
Perbelanjaan baki		Tiada

Nota:

- ³ Perbelanjaan baki pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2026 perniagaan perintis, disifatkan sebagai perbelanjaan baki aset itu pada hari permulaan perniagaan selepas perintis bagi tempoh asas tahun taksiran 2027.

Pengiraan Elaun Modal Mesin Z

Tahun Taksiran 2027 (1.6.2027 hingga 31.12.2027 ialah tempoh selepas perintis pertama)	RM	RM
Perbelanjaan modal yang layak		300,000 ⁴
Tolak:		
Elaun permulaan (20%)	60,000	
Elaun tahunan (20%)	60,000	120,000
Perbelanjaan baki		<u>180,000</u>

Nota:

⁴ Perbelanjaan modal sebanyak RM300,000 disifatkan dilakukan pada 1.6.2027 dan elaun modal dituntut dalam perniagaan selepas perintis dalam tahun taksiran 2027.

7.5 Pengiraan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai

Untuk tujuan pengiraan pendapatan syarikat perintis yang diberikan status perintis berkenaan dengan perniagaan perintis pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber semasa tempoh pelepasan cukai –

- (a) syarikat perintis akan tertakluk kepada syarat yang dinyatakan (jika ada) dalam sijil perintis syarikat itu;
- (b) pendapatan syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dikira mengikut ACP dengan –
 - (i) menganggap setiap tempoh perakaunan (termasuk hari terakhir tempoh perakaunan yang berkaitan) sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran; dan
 - (ii) menentukan pendapatan perniagaan perintis sebagaimana ianya adalah pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu

7.6 Sekatan pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis

Dalam menentukan pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis berkenaan dengan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, pendapatan berkanun yang dikecualikan cukai syarikat perintis berkenaan dengan perniagaan perintis akan dikurangkan dengan kerugian larasan perniagaan yang berkaitan dengan –

- (a) aktiviti yang tidak digalakkan atau pembuatan produk yang tidak digalakkan;
- (b) aktiviti digalakkan atau pengilangan produk digalakkan yang tidak diberikan insentif cukai dalam bentuk status perintis atau elaun cukai pelaburan; dan
- (c) aktiviti digalakkan atau pembuatan produk digalakkan yang telah diberikan insentif cukai dalam bentuk status perintis atau elaun cukai pelaburan tetapi insentif cukai tersebut telah tamat.

Kerugian yang berkaitan dengan perniagaan yang disebut di atas hendaklah ditolak terhadap pendapatan berkanun syarikat perintis berkenaan dengan perniagaan perintisnya dan kerugian tersebut hendaklah diabaikan untuk tujuan potongan di bawah subseksyen 43(2) dan 44(2) ACP. Dalam erti kata lain, sebaik sahaja jumlah kerugian telah ditolak terhadap pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis, jumlah kerugian yang sama tidak boleh digunakan untuk ditolak daripada pendapatan lain syarikat perintis seperti pendapatan daripada perniagaan bukan perintis atau pelaburan.

7.7 Kerugian yang berlaku dalam tempoh pelepasan cukai

Syarikat perintis yang menjalankan perniagaan perintis berkenaan dengan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber, yang mengalami kerugian perintis tahun semasa dalam tempoh pelepasan cukai, hanya dibenarkan untuk menolak kerugian tersebut terhadap perniagaan atau perniagaan-perniagaan perintis (jika lebih daripada satu). Potongan kerugian adalah mengikut cara yang sama di bawah subseksyen 43(2) dan 44(2) ACP. Dalam erti kata lain, kerugian perintis tahun semasa tidak dibenarkan ditolak daripada pendapatan agregat tahun semasa daripada perniagaan bukan perintis dan pelaburan syarikat perintis.

Berkuat kuasa tahun taksiran 2019, sebarang kerugian perintis yang tidak diserap selepas tamat tempoh pelepasan cukai hanya dibenarkan dihantar ke hadapan untuk tempoh maksimum tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut. Tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut bermula serta-merta selepas tempoh asas tahun taksiran apabila tempoh pelepasan cukai tamat. Sebarang kerugian perintis yang tidak dapat diserap selepas tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut akan diabaikan.

Menurut peruntukan khas, kerugian perintis yang tidak diserap terkumpul sehingga tahun taksiran 2018, dibenarkan untuk dibawa ke hadapan sehingga maksimum tujuh (7) tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2025. Sebarang kerugian perintis terkumpul tidak dapat diserap selepas tahun taksiran 2025 akan diabaikan.

- 7.8 Pendapatan dikecualikan syarikat perintis hendaklah dikreditkan ke akaun pengecualian. Ringkasan pengiraan untuk menentukan pendapatan dikecualikan cukai bagi perniagaan perintis berkenaan dengan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber adalah seperti berikut -

Butiran	RM	RM
Perniagaan perintis		
Pendapatan larasan		XX
Tolak:		
Elaun modal (disifatkan dituntut)		XX
Pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis (100% pengecualian)		XX
Tolak:		
Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan bukan perintis	XX	
Kerugian perintis yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan (b/h)	XX	XX
Amaun dikreditkan ke akaun pengecualian		XX

Contoh 3

Sebuah syarikat induk membuat pelaburan di dalam anak syarikat milik penuhnya, XY Sdn Bhd untuk mengusahakan pengkomersialan penemuan R&D awam berasaskan sumber. XY Sdn Bhd telah memohon status perintis pada 1.10.2016 dan telah diluluskan pada 1.2.2017. Sijil perintis menetapkan hari pengeluaran pada 1.9.2017. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Butiran pendapatan dan elaun modal syarikat bagi tiga (3) tahun taksiran terakhir tempoh perintis iaitu tahun taksiran 2017 hingga 2019 adalah seperti yang berikut –

Tahun taksiran	2017	2018	2019
Tahun berakhir	31.12.2017	31.12.2018	31.12.2019
	RM	RM	RM
Perniagaan bukan perintis			
Pendapatan / (Kerugian) larasan	(20,000) ⁵	(60,000) ⁹	100,000 ¹³
Elaun modal	2,000 ⁶	1,000 ¹⁰	1,000 ¹⁴
Perniagaan perintis			
Pendapatan / (Kerugian) larasan	(180,000) ⁷	100,000 ¹¹	200,000 ¹⁵
Elaun modal	50,000 ⁸	10,000 ¹²	10,000 ¹⁶
Pendapatan berkanun daripada sewa	120,000	120,000	120,000

Tempoh pelepasan cukai untuk XY Sdn Bhd ialah 10 tahun mulai 1.9.2017 hingga 31.8.2027.

Pengiraan Pendapatan Bercukai bagi Tahun Taksiran 2017

Butiran	RM	RM
Perniagaan bukan perintis		
Pendapatan larasan (Kerugian larasan tahun semasa – RM20,000 ⁵)		Tiada
Tolak: Elaun modal (Elaun modal yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan (h/h) – RM2,000 ⁶)		Tiada
Pendapatan berkanun daripada perniagaan bukan perintis		Tiada
Perniagaan perintis		
Pendapatan larasan (Kerugian larasan perintis tahun semasa – RM180,000 ⁷)	Tiada	
Tolak: Elaun modal (Elaun modal yang tidak dapat diserap h/h – RM50,000 ⁸)	Tiada	

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis (100% dikecualikan) / Pendapatan perintis diagihkan	Tiada	Tiada
Pendapatan dikecualikan dikreditkan ke akaun pengecualian	Tiada	
Agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan		Tiada
Pendapatan selain daripada punca perniagaan		
Pendapatan berkanun daripada sewa [perenggan 4(d) ACP]		120,000
Pendapatan agregat		120,000
Tolak:		
Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan bukan perintis [perenggan 44(2) ACP]		(20,000) ⁵
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		100,000

Pengiraan Pendapatan Bercukai bagi Tahun Taksiran 2018

Butiran	RM	RM	RM
Perniagaan bukan perintis			
Pendapatan larasan (Kerugian larasan tahun semasa – RM60,000 ⁹)			Tiada
Tolak: Elaun modal			Tiada
Elaun modal yang tidak dapat diserap b/h		2,000 ⁶	
Elaun modal tahun semasa		1,000 ¹⁰	
Elaun modal yang tidak dapat diserap h/h		3,000 ¹⁷	
Pendapatan berkanun daripada perniagaan bukan perintis			Tiada

Butiran	RM	RM	RM
Perniagaan perintis			
Pendapatan larasan		100,000 ¹¹	
Tolak: Elaun modal			
Elaun modal yang tidak dapat diserap b/h	50,000 ⁸		
Elaun modal tahun semasa	10,000 ¹²		
Elaun modal digunakan		60,000	
Pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis (100% dikecualikan) / Pendapatan perintis diagihkan		40,000	Tiada
Tolak:			
Kerugian larasan perintis yang tidak dapat diserap digunakan (terhad)		40,000 ¹⁸	
Pendapatan dikecualikan dikreditkan ke akaun pengecualian		Tiada	
Kerugian larasan perintis yang tidak dapat diserap b/h	180,000 ⁷		
Kerugian larasan perintis yang tidak dapat diserap digunakan (terhad)	40,000 ¹⁸		
Kerugian larasan perintis yang tidak dapat diserap h/h	140,000 ¹⁹		
Agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan			Tiada
Pendapatan selain daripada punca perniagaan			
Pendapatan berkanun daripada sewa [perenggan 4(d) ACP]			120,000
Pendapatan agregat			120,000
Tolak:			
Kerugian larasan tahun semasa daripada pendapatan bukan perintis [perenggan 44(2) ACP]			(60,000) ⁹

Butiran	RM	RM	RM
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai			60,000

Pengiraan Pendapatan Bercukai bagi Tahun Taksiran 2019

Butiran	RM	RM
Perniagaan bukan perintis		
Pendapatan larasan		100,000 ¹³
Tolak: Elaun modal		
Elaun modal yang tidak dapat diserap b/h	3,000 ¹⁷	
Elaun modal tahun semasa	1,000 ¹⁴	
Elaun modal digunakan		4,000
Pendapatan berkanun daripada perniagaan bukan perintis		96,000
Perniagaan perintis		
Pendapatan larasan	200,000 ¹⁵	
Tolak: Elaun modal tahun semasa	10,000 ¹⁶	
Pendapatan berkanun daripada perniagaan perintis (100% dikecualikan) / Pendapatan perintis diagihkan	190,000	Tiada
Tolak:		
Kerugian larasan perintis yang tidak dapat diserap digunakan	140,000 ¹⁹	
Pendapatan dikecualikan dikreditkan ke akaun pengecualian	50,000	
Agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan		96,000

Butiran	RM	RM
Pendapatan selain daripada punca perniagaan		
Pendapatan berkanun daripada sewa [perenggan 4(d) ACP]		120,000
Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		216,000

Nota:

- ¹⁹ Kerugian perintis terkumpul sebanyak RM140,000 pada akhir tahun taksiran 2018 boleh dihantar ke hadapan mulai tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2025. Walau bagaimanapun, kerugian tersebut telah diserap sepenuhnya dalam tahun taksiran 2019.

8. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

KU ini harus dibaca bersama dengan KU No. 12/2022 yang bertajuk Pengkomersialan Penemuan Penyelidikan dan Pembangunan Awam Berasaskan Sumber, Bahagian I – Insentif Cukai untuk Syarikat Pelabur, yang boleh diperoleh di www.hasil.gov.my, portal rasmi LHDNM.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**